

Malaysia sambut baik gencatan senjata Thailand, Kemboja



Anwar Ibrahim

Anwar sifatkan keputusan cerminkan sikap bertimbang rasa penting demi keselamatan awam

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keputusan Thailand dan Kemboja menghentikan pertempuran dan mengekalkan kedudukan pasukan masing-masing mencerminkan pengiktirafan bersama, iaitu sikap bertimbang rasa amat penting demi keselamatan orang awam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Malaysia menyambut baik persetujuan gencatan senjata dicapai kedua-dua negara yang berkuat kuasa tengah hari semalam.

"Kenyataan bersama itu menggariskan langkah praktikal dan positif termasuk pengesahan oleh Pasukan Pemerhati ASEAN (AOT) serta komunikasi langsung di antara pihak berkuasa pertahanan.

"Langkah ini menyediakan asas kepada kestabilan dan saya berharap kedua-dua pihak akan melaksanakannya dengan penuh komitmen," katanya menerusi hantaran di Facebook, semalam.



Anggota tentera memeriksa jambatan yang rosak selepas dibom jet pejuang Thailand di Chong Kal, Oddar Meanchey, Kemboja. Thailand dan Kemboja bersetuju melakukan gencatan senjata bagi menghentikan konflik di sempadan.

(Foto AFP)

Sementara itu, Anwar turut menegaskan komitmen Malaysia untuk terus menyokong segala usaha bagi memastikan perjanjian itu dipatuhi, khususnya ketika Malaysia menyerahkan jawatan Pengerusi ASEAN kepada Filipina pada 1 Januari ini.

"Usaha berterusan itu penting bagi memelihara prestij dan kredibiliti ASEAN sebagai sebuah

rantau yang aman, stabil dan dihormati pada peringkat antarabangsa," katanya.

Puluhan nyawa terkorban

Gencatan senjata di antara Thailand dan Kemboja itu dicapai selepas konflik berlarutan di kawasan sempadan yang mengorbankan puluhan nyawa serta menyebabkan pemindahan besar-be-

saran penduduk awam, sekali gus mencetuskan kebimbangan masyarakat antarabangsa terhadap kestabilan Asia Tenggara.

Thailand dan Kemboja semalam bersetuju melaksanakan gencatan senjata serta-merta bagi menamatkan konflik bersenjata di sepanjang sempadan kedua-dua negara yang berlarutan hampir tiga minggu.